

# Naib Canselor UMS terima kunjungan hormat Kelab Rakan Pustaka

NS/T 30.12.2017 5

KOTA KINABALU: Baru-baru ini, Kelab Rakan Pustaka (KRP) telah melakukan kunjungan hormat terhadap Naib Canselor UMS, YBhg. Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin.

Delegasi tersebut terdiri daripada ahli jawatankuasa tertinggi kelab iaitu Nursyafika Mikin selaku Timbalan Presiden 1 KRP bersama dua orang ahli kelab iaitu Siti Zaleha Abd Tahar dan Syahrul Fitri Abd Sukor.

Turut hadir bersama dalam kunjungan tersebut adalah Mentor i-Leader, KRP yang merupakan pelajar PhD dan Master di UMS iaitu Noor Aini Binti Bohari, Asfarina Ismail, Salwa Naidin dan Ghafur Rahim Mustakim.

Kunjungan tersebut adalah bertujuan untuk memperkenalkan KRP berserta visi dan misi penubuhan KRP di UMS. Tujuan lainnya, adalah untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada NC sendiri bagi memperbaiki pelaksanaan pelbagai program di bawah KRP.

Ternyata, beliau amat tertarik sekali dengan siri-siri program yang telah dilaksanakan oleh KRP. Beliau turut mencadangkan dan menggalakkan agar KRP menjadi sebahagian dari-

pada pemikir dan pemberi idea kepada pihak pentadbiran perpustakaan UMS untuk melakukan perubahan serta melaksanakan program yang dapat menaikkan lagi nama perpustakaan UMS.

Menurut D. Kamarudin, KRP perlu berpandangan lebih jauh ke hadapan dengan membuat lawatan ke luar negara untuk melihat sendiri keunikan sistem perpustakaan di universiti lain.

Antara cadangannya adalah, perpustakaan University of Kho Kaen, Taiwan, University of Hong Kong dan University of Singapore.

Menurutnya lagi, lawatan ke perpustakaan di luar negara ini perlu dijadikan sebagai penanda aras terhadap perpustakaan di UMS.

Diakhir pertemuan tersebut, sekali lagi D. Kamarudin mengatakan sokongannya terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh KRP, UMS.

Pihak KRP mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan pendapat yang diberikan oleh D. Kamarudin bagi meningkatkan lagi mutu pelaksanaan program di bawah KRP yang sekaligus mampu menaikkan nama perpustakaan UMS sendiri.



**KUNJUNGAN HORMAT ...** Barisan ahli jawatankuasa tertinggi kelab berkenaan semasa melakukan kunjungan hormat terhadap Naib Canselor UMS.